

Hubungan geopolitik dan perdagangan alam Melayu dengan dunia Arab

Geopolitical and trade relations between Malay realm and Arab world

Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin¹ & Norsaleha Mohd Salleh (PhD)²

¹Pegawai Penyelidik, IRIS Institute. Emel: fahmibahrudin@iris.institute

²Pengarah Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Emel: norsaleha@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kekayaan Alam Melayu dengan hasil bumi seperti emas, bijih besi, bijih timah dan rempah-ratus menjadikannya sebagai satu kawasan perdagangan yang menjadi tumpuan pedagang dunia, termasuklah dari Dunia Arab. Dominasi laluan perdagangan di Lautan Hindi sehingga ke Alam Melayu oleh pedagang-pedagang Arab sehingga penghujung abad ke-15M telah menyebabkan berlakunya interaksi perdagangan, budaya, agama dan hubungan diplomatik antara kedua-dua kawasan berbeza di dunia ini. Semua hubungan ini terjalin dan wujud tanpa perlu kepada perantaraan oleh tamadun China. Selain itu, hubungan yang begitu rapat antara Alam Melayu dan Dunia Arab yang diperkukuhkan dengan nilai Islam telah mendorong khilafah Islamiyyah menghantar bantuan ketenteraan kepada kerajaan-kerajaan Melayu yang berhadapan dengan serangan dari penjajah Eropah. Sumber sejarah Melayu yang banyak dikutip dari sumber atau catatan China mungkin hanya boleh menggambarkan sebahagian kecil dari wajah sebenar suasana geopolitik dan yang telah berlangsung lebih dari ribuan tahun. Sumber-sumber luar lain seperti dari Arab, India, Eropah dan Afrika mengenai Alam Melayu amat penting untuk diteliti dan dikaji supaya perspektif sebenar khususnya dalam aspek perdagangan dan geopolitik boleh dibaca dengan lebih tepat dan komprehensif.

KATA KUNCI

Perdagangan, geopolitik, Islam, Alam Melayu, Dunia Arab

Received: Aug 10, 2020

Accepted: Sept 05, 2020

Published: Oct 16, 2020

ABSTRACT

Malay realm's wealth of natural resources such as gold, iron ore, tin and spices make it as a geographical pivot point for international trade, including from Arab World. The domination of trade routes between Indian Ocean to Malay world by Arab traders until the end of 15th century has resulted in a trade, cultural, religious, and diplomatic relations between the two different areas of the world. These relations were forged and existed without the need of mediation by Chinese civilization. In addition, Islam has strengthened the relationship between Malay realm and Arab world as the Islamic Caliphate has sent military help to Malay kingdoms during the attacks from European colonizers. Malay historical sources that were widely quoted in Chinese records may only be a fraction of the true story of geopolitical relations that took place over thousands of years. Other sources such as from Arabia, India, Europe, and Africa are deemed to be crucial to explain the real perspective of trade and geopolitical relations these two worlds have.

KEYWORD

peace agreement, commitment, leadership, negotiation, Bangsamoro

1.0 Pendahuluan

Kerajaan-kerajaan Melayu juga sebenarnya memiliki hubungan perdagangan, agama, budaya dan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan dari Arab, India, Eropah dan Afrika. Hubungan secara langsung Alam Melayu dengan Tamadun China sama ada melibatkan perdagangan atau diplomatik merupakan satu perbincangan yang agak popular dalam kajian akademik. Walaupun tidak dinafikan hubungan secara langsung dengan China wujud, hubungan Alam Melayu dengan kerajaan-kerajaan selain daripada China seolah-olah kurang ditonjolkan dalam kajian akademik. Artikel ini bertujuan untuk membuka satu perspektif baru yang diharap mampu untuk membuka dengan lebih luas dimensi perhubungan antara kerajaan-kerajaan Melayu dengan kerajaan-kerajaan India, Arab, Eropah, Afrika dan sebagainya.

Hubungan antara kerajaan-kerajaan Melayu dan kerajaan-kerajaan Arab yang juga merangkumi sebahagian kawasan utara Afrika, Turki dan Parsi. Pembukaan Parsi yang dikuasai oleh Empayar Sassanian dan Mesir oleh kuasa Arab Islam semasa abad ke-7M membolehkan kita meletakkan Parsi dan kawasan utara Afrika sebagai sebahagian daripada sejarah Dunia Arab dan Alam Melayu. Selain itu, peranan Turki Uthmaniyyah yang menguasai Dunia Arab sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-19M juga menjadikan kewujudan mereka signifikan dalam kajian hubungan Alam Melayu dan Dunia Arab.

Hubungan antara Alam Melayu dan Dunia Arab telah terjalin dan wujud sejak sekian lama. Catatan-catatan kehadiran pedagang-pedagang Arab dan Parsi ke alam Melayu sejak awal kurun masihi lagi telah membuktikan dakwaan ini. Selain itu, hubungan perdagangan secara tidak langsung antara Alam Melayu dan Timur Tengah seperti di Mesir telah berlaku sejak 1500SM lagi. Hubungan sosio-budaya, agama dan bahasa antara Alam Melayu dan Dunia Arab juga telah wujud dan diperkukuhkan dengan bukti-bukti yang amat jelas. Pengaruh agama Islam di Alam Melayu yang datang dari Dunia Arab, tulisan jawi dan beberapa ciri-ciri kebudayaan yang diamalkan sehingga hari ini adalah fakta jelas yang sukar untuk disangkal oleh mana-mana pihak. Hubungan diplomatik antara kerajaan-kerajaan Melayu dan kerajaan-kerajaan Arab-Parsi juga merupakan indikator penting kepentingan hubungan antara Alam Melayu dan Dunia Arab. Ini termasuklah bantuan ketenteraan semasa era khilafah Uthmaniyyah kepada Aceh dan pertukaran teknologi senjata yang boleh dilihat dalam catatan perjalanan Hang Tuah ke Timur Tengah.

2.0 Hubungan Perdagangan Alam Melayu-Dunia Arab Parsi


Hubungan perdagangan antara Alam Melayu dan dunia Arab telah bermula dalam tempoh yang sangat lama. John Gardner Wilkinson (1797M-1875M) berpendapat bahawa tamadun Mesir Purba yang mula menggunakan bijih timah sejak 1500SM telah mendapatkan bekalan tersebut dari Tanah Melayu, menerusi peranan India sebagai orang tengah (Hanifah & Redzuan, 2014). Selain itu, tamadun Mesir Purba juga mengimport rempah ratus dari Alam Melayu yang menggunakan Teluk Parsi dan Laut Merah (Hanifah & Redzuan, 2014). Cengkih yang boleh didapati di timur Pulau Jawa dan buah pala telah dieksport ke Iskandariah, Mesir semasa pemerintahan Marcus Aurelius (180M) lagi (Banerjee, 1921). Pedagang-pedagang Arab telah membina jaringan perdagangan sejauh Canton, China sejak 300M, yang mana turut membina jaringan dengan Alam Melayu (Wales, 1937). Ini diperkuatkan lagi dengan jumpaan kapal abad ke-9M di antara pulau Sumatera dan Borneo yang dipercayai dimiliki oleh pedagang Arab atau India (Wood, 2011).

Pedagang-pedagang Parsi dari zaman Empayar Parthian telah sampai ke Alam Melayu pada abad ke-3M lagi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Mereka telah berdagang di kebanyakan pelabuhan penting di Asia Tenggara (Alam Melayu) termasuk di Semenanjung Tanah Melayu, di mana pedagang Parsi seramai hampir 500 orang telah tinggal di kawasan pelabuhan Tun-sun (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Selain itu, terdapat satu lagi pendapat yang mengatakan kedatangan pedagang Parsi adalah jauh lebih awal, iaitu dari tahun 500SM lagi. Pendapat ini telah mengatakan bahawa mereka telah mula berdagang ke kawasan Alam Melayu sejak zaman Greek Purba (500SM-336SM) (Federspiel, 2007).

Kehadiran pedagang-pedagang Arab-Parsi ini adalah untuk memperolehi komoditi yang bernilai yang terdapat di Asia Tenggara. Mereka telah membawa barangan hasil teknologi yang telah lama berkembang terutamanya di Timur Tengah yang bermula sejak era Mesopotamia lagi. Barangan yang diimport dari kawasan Asia Tenggara termasuklah rempah ratus, kapur barus, kayu gaharu, kayu cendana, hasil hutan, kulit kayu manis dan damar manakala barang yang dieksport ialah seramik, barangan daripada kaca, alatan besi, senjata, perak, manik, paku, kipas, barangan perhiasan, sutera dan minyak wangi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Terdapat dua laluan utama yang digunakan oleh pedagang-pedagang Arab dalam menguasai perdagangan di Asia iaitu dengan menggunakan laluan Laut Merah, manakala laluan kedua ialah melalui Iraq dan Syria iaitu jalan yang menempuh daratan, sungai dan juga lautan di mana laluan ini akan terus keluar ke Teluk Parsi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Kepentingan Alam Melayu kepada ekonomi Arab diperkukuhkan menerusi tindakan politik Khalifah Abbasiyah pada tahun 762M. Pada tahun itu, pemerintah Khalifah Abbasiyah telah memindahkan pusat pemerintahan Khalifah ke Baghdad yang berdekatan dengan Sungai Tigris untuk memudahkan akses ke Teluk Parsi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Ini membuka jalan perdagangan yang hampir dengan kawasan di bahagian timur Khalifah Abbasiyah yang merangkumi Alam Melayu, India dan China. Pedagang-pedagang Arab telah mendominasi jalan perdagangan ke Alam Melayu sehinggalah ke penghujung abad ke-15M, akibat persaingan dari Eropah (Chuan, 2005).

Empayar Funan antara kerajaan Alam Melayu terawal yang membina hubungan perdagangan dengan dunia Arab-Parsi. Sekitar abad ke-3 M, Funan telah menakluki Tun-Sun, yang merupakan sebuah pelabuhan entrepot untuk membuka jalan perdagangan dengan Parsi, Utara India dan Tonkin (Yatim, 1978). Manik Rom juga telah dijumpai di Kota Tinggi, Johor yang kemungkinannya dibawa oleh pedagang India atau pedagang Parsi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).



Rajah 1: Jalan perdagangan antara dunia Timur dan Barat, alam Melayu terletak di tengah-tengah (Federspiel, 2007).



Rajah 2: Manik yang berasal dari Timur Tengah, India dan buatan Alam Melayu di Lembah Bujang, Kedah (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).


Kerajaan Melayu Champa juga menyimpan fakta yang memperkukuhkan berlakunya hubungan yang kuat antara Alam Melayu dan dunia Arab. Telah wujud kelompok pedagang Arab di satu kawasan penempatan yang terletak dalam wilayah Phanrang, di Champa (Federspiel, 2007). Pada masa itu juga terdapat peraturan dan undang-undang khas untuk percukaian dan pembayaran hutang, di wilayah Phanrang yang dipercayai terkesan oleh prinsip syariat hasil kedatangan pedagang Arab yang beragama Islam tersebut (Federspiel, 2007).

Kedah juga telah menjadi tumpuan pedagang Arab berikutan keadaan tidak stabil di Selatan Tanah Besar China sekitar penghujung abad ke-9M (Walters, 1958). Pengusiran pedagang Arab dan Parsi di Canton oleh dinasti Tang China pada tahun 838M telah menyebabkan wujud kelompok pedagang Arab dan Parsi di Kedah (Federspiel, 2007). Peranan Kataha (Kedah) sebagai pelabuhan utama bagi pedagang Arab-Parsi ini telah dibuktikan dengan jumpaan dua keping syiling Zaman Abbasiyyah (758M- 1258M) di Kuala Sungai Merbok dan salah satu syiling emas yang bertarikh 848M (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Terdapat juga catatan oleh al-Mas'udi yang menyatakan kedudukan Kalah (Kedah) yang berada di pertengahan jalan antara barat dan China. Ini menjadikan Kedah sebagai pusat perhentian dan pertemuan kapal-kapal dagang Islam dari Oman dan China (Zarif, 2011). Tembikar Timur Tengah yang dijumpai di Sungai Mas merupakan jenis warna hijau dan hijau-kuning yang dibuat di kawasan Iran-Iraq (Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, 2011).

Terdapat catatan seorang penulis Portugis bernama Barbosa pada tahun 1516M, yang menyatakan bahawa Kedah menjadi pusat dagangan pelbagai barangan dan menjadi tumpuan kapal-kapal dari Arab (Jusoh, 2016). Sungai Mas di Kedah telah menjadi pelabuhan entrepot bagi kerajaan Kedah pada abad ke-7M. Ini dapat dibuktikan menerusi tinggalan serpihan tembikar dari pelbagai tempat di dunia seperti dari tembikar China, kaca dari Asia Barat selain logam, manik dan damar (Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, 2011). Pelabuhan lain di Malaysia yang menyimpan artifak dari Dunia Arab ialah di Kuala Selinsing, Perak. Ada pihak beranggapan bahawa artifak-artifak disini diperolehi dari Lembah Bujang. Artifak dari Timur Tengah yang ditemui termasuklah seramik Parsi dan juga kaca. Pelabuhan ini adalah pelabuhan *feeder port* untuk Lembah Bujang dan berdasarkan pentarikhan mutlak ia telah digunakan sejak 200 SM lagi (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Kerajaan Gangga Negara di kawasan Beruas, Perak juga telah menjadi lokasi penting perniagaan dan perdagangan sama ada bagi barang galian, sumber hutan atau barang-barang yang diimport dari luar seperti dari China. Barang-barang dagangan ini kemudiannya dieksport ke India dan negara-negara di Timur Tengah (Abdul & Zamburi, 1991). Kehadiran pedagang Arab-Parsi di kerajaan Melayu Langkasuka dibuktikan melalui jumpaan duit syiling zaman Sassanian di perairan selatan Siam di Yarang, yang bertarikh pada abad ke-5M (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Kerajaan Patani yang muncul selepas kejatuhan Langkasuka juga memiliki hubungan dengan Dunia Arab. Bandar Patani berkembang maju ekoran daripada perdagangan Islam, yang sebahagiannya datang dari Dunia Arab (Din, 2011). Bahasa lingua-francanya adalah bahasa Melayu (Din, 2011). Patani menjadi pusat perdagangan penting bagi bahan komoditi kayu keras (ironwood) di Asia Tenggara (Federspiel, 2007). Selain itu, Tambralinga (wilayah Ligor) yang berada di utara Patani juga telah membina hubungan perdagangan dengan Arab-Parsi. Ta'rua adalah pelabuhan terpenting kepada kerajaan Melayu Tambralinga sejak abad ke-10M dengan menjadi tempat persinggahan pada peniaga Arab dan Parsi (Chapakia, 2000).



Rajah 3: Lampu daripada kaca yang dijumpai di Kampung Pengkalan Bujang. Bentuknya sama seperti di Mesir dan masjid di Syria (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).



Rajah 4: Serpihan kaca yang dijumpai di Lembang Bujang yang datang dari Timur Tengah (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Empayar Melayu Srivijaya juga telah membina hubungan perdagangan yang kuat dengan dunia Arab-Parsi. Menurut Qin dan Xiang (2011:19) yang melakukan kajian terhadap laluan maritim semasa era kegemilangan Srivijaya, terdapat tiga lingkungan hubungan perdagangan yang telah wujud (Dellios & Ferguson, 2015). Pertama, China dan Asia Tenggara (Alam Melayu), seterusnya Alam Melayu dan Arab serta Teluk Parsi, dan yang terakhir ialah antara Arab dan Afrika Timur (Dellios & Ferguson, 2015). Dua titik penting yang menyambung ketiga-tiga lingkungan ini adalah Srivijaya di Alam Melayu dan Basrah di Iraq yang merupakan ibu kota pemerintah Khilafah Abbasiyyah yang berperanan sebagai titik penting hubungan perdagangan maritim pada masa itu (Dellios & Ferguson, 2015).

Berdasarkan sumber bertulis, pelabuhan terkenal yang menjadi persinggahan pedagang Arab-Parsi ialah Zabaj, yang terletak di Palembang dan berada dibawah penguasaan Srivijaya (Zuliskandar Ramli

& Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Malah, al-Biruni sendiri menamakan Srivijaya sebagai Suvarnabhumi yang pada masa itu disebut sebagai Zabaj (Majumdar, 1937). Pedagang-pedagang Arab telah membawa kemenyan Arab ke pelabuhan Srivijaya untuk ditukar dengan barangan tempatan (Cotterell, 2014). Barangan tempatan yang dibawa ke Dunia Arab termasuklah kapur barus, cendana, gading, kayu sepong dan lidah buaya (Giri, 1938). Kapur barus pula banyak didapati di daerah Sumatera, di mana pelabuhannya yang terpenting ketika itu ialah Barus. Mungkin nama pelabuhan Barus adalah mengambil sempena daerahnya yang banyak mengeluarkan kapur barus (Borham, 2014). Tome Pires telah menyatakan pedagang yang datang ke Melaka berasal dari pelbagai tempat dan kerajaan. Sekurang-kurangnya mereka datang dari 58 buah tempat berbeza termasuklah Maldives, Parsi, Bima, Pegu, Champa, China, Armenia, Mesir dan Turki (Wahid, 1990).

Pedagang daripada Gujerat dan Pantai Coromandel datang ke Melaka sambil membawa barang-barang dari India seperti tekstil, minyak wangi dan ubat-ubatan daripada Arab (Wahid, 1990). Mereka akan menukar barangan tersebut dengan barang-barang daripada China serta barangan yang boleh didapati di kerajaan-kerajaan sekitar Selat Melaka (Chuan, 2005). Para pedagang di Melaka yang datang dari pelabuhan Benggala terdiri daripada pedagang Arab dan Turki (Z. Hassan & Omar, 2003). Barangan yang dibawa termasuklah beras, gula, daging kering, buah-buahan dan kain India untuk ditukarkan dengan lada, jagung, cengkih, sutera, tembikar, senjata, gaharu dan bahan mentah (Z. Hassan & Omar, 2003). Teks 'Sejarah Melayu' sendiri telah mengungkapkan kemakmuran Melaka yang menjadi tumpuan pedagang-pedagang antarabangsa, termasuklah pedagang dari Dunia Arab (Balwi, 2005).

"Maka negeri Melaka pun besarlah, lagi dengan makmurnya; segala dagang pun berkampung." Maka segala dagang bawah angin dan dagang atas angin sekaliannya datang ke Melaka, terlalulah ramainya bandar Melaka pada zaman itu. Maka oleh segala dagang Arab dinamainya Malakat, yakni perhimpunan segala dagang, dari kerana banyak pelbagai jenis dagang ada di sana; tambahan segala orang-orang besarnya pun sangat saksama." (Balwi, 2005).

Acheh yang bangkit selepas kejatuhan Melaka juga telah membina hubungan yang sangat rapat dengan dunia Arab, khususnya Turki Uthmaniyyah. Acheh telah berjaya membangunkan pelabuhan yang menjadi tumpuan pedagang dunia. Barangan yang telah didagangkan di Acheh termasuklah rempah dari Maluku, tekstil dari Coromandel dan Gujerat, timah dan emas dari Perak dan tengah Sumatera (Chuan, 2005). Pedagang Muslim dari Laut Merah, Timur Tengah dan benua India menjadi tonggak penting dalam kegemilangan Acheh dalam perdagangan sekitar abad ke-16M (Mitrasing, 2015). Catatan oleh James Lancaster, wakil pedagang dari London ke Acheh pada 5 Jun 1600, menyatakan bahawa terdapat 16 atau 18 kapal pedagang yang datang dari pelbagai tempat, termasuklah Gujerat, Bengal, Calicut, Malabar, Pegu, Belanda dan Patani di pelabuhan Acheh (Markham, 2010). Pelabuhan Pasai yang lebih awal membangun daripada jirannya, Acheh, telah dikunjungi pedagang Arab, India dan China dan berkembang menjadi pusat ilmu dan penyebaran Islam (Ahmad, 2012).

Kesan hubungan Alam Melayu dan dunia Arab bukan sahaja dapat dibuktikan menerusi penemuan dan kesan di Alam Melayu sahaja. Beberapa penemuan seperti syiling dan timah yang dihasilkan oleh kerajaan-kerajaan Melayu di dunia Arab telah memperlihatkan kesan secara langsung Alam Melayu terhadap kehidupan dunia Arab pada masa dahulu. Penemuan duit syiling bertarikh abad ke-12M di Fustat, Mesir dipercayai berasal dari Alam Melayu (Hanifah & Redzuan, 2014). Timah yang digunakan oleh Mesir untuk membuat tembaga sekitar 2000SM datang dari kawasan Melaka (Bickmore, 1866), jauh sebelum wujudnya kerajaan Melayu Melaka. Dikatakan pedagang dari India yang bertanggungjawab membawa bahan mentah tersebut ke Mesir (Bickmore, 1866). Menurut Tome Pires

pula, pedagang Melayu semasa zaman Melaka telah berdagang jauh sehingga ke Makkah (Z. Hassan & Omar, 2003).

3.0 Hubungan Agama, Budaya dan Migrasi

Zaman sekitar abad ke-13M sehingga 17M telah memperlihatkan berlakunya pertukaran agama-budaya dan bahasa antara Parsi dan Alam Melayu (Petrů Tomáš *, 2016). Agama Islam telah berperanan sebagai pengikat terkuat antara Alam Melayu dan Dunia Arab-Parsi. Hubungan antara Dunia Arab dengan Alam Melayu memang sudah lama terjalin, iaitu sejak sebelum kedatangan Islam lagi (Yahaya, 2015). Oleh sebab itu, pengaruh Arab ke atas Alam Melayu adalah besar, lebih-lebih lagi setelah kedatangan Islam; di mana kesan dan pengaruh ini melibatkan istilah, dan nama-nama negeri di Asia Barat (Yahaya, 2015). Sebagai contoh, istilah “Maghribi” yang tertera dalam kitab-kitab Jawi adalah merujuk kepada negeri-negeri di Afrika Utara (Yahaya, 2015).

Pengislaman Yaman ketika zaman Rasulullah SAW membawa kepada perkembangan Islam ke Nusantara. Negara Yaman sebelum kelahiran Islam lagi telah didatangi oleh peniaga-peniaga Arab dan dari pelbagai bangsa termasuk pedagang Alam Melayu (Ahmad Shalaby, 1983: 55) (Borham, 2014). Dilihat dari segi hubungan perdagangan, apabila orang-orang Yaman memeluk Islam, kesedaran dakwah juga wujud di kalangan mereka (Borham, 2014). Mereka kemudiannya mengambil peluang untuk menyebarkan Islam kepada pedagang-pedagang Alam Melayu yang datang ke negara mereka, begitu juga sebaliknya ketika mereka berdagang ke Alam Melayu (Borham, 2014). Islam juga datang ke Alam Melayu sewaktu zaman Khulafa' al-Rasyidin, khususnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab (634M-644M) (Borham, 2014). Pada zaman pemerintahan beliau, kekuasaan Islam telah pun sampai ke Rom dan Parsi (Borham, 2014). Menurut sejarah, terdapat ramai di kalangan orang-orang Parsi memeluk Islam. Begitu juga dengan keturunan Parsi yang berada di Perlak dan Pasai (Borham, 2014).

Islam telah sampai di Champa pada abad kesebelas Masihi lagi berdasarkan penemuan batu nisan bertarikh 1039M dan prasasti bertarikh 1025 M di Panduranga (Musa, 2008). Selain itu, legenda Cham ada menyebutkan tentang seorang pemerintah kerajaan Champa yang beragama Islam, bernama Po-Oolah yang memerintah daripada 1000 M-1036 M di Cu'-Banoy (Halimi, 1993). Terdapat juga catatan Arab mengenai kerajaan orang Khmer atau Kemboja (jiran kepada orang Champa). Catatan seorang penulis Arab yang bernama Ya'kubi (sekitar 875M atau 880M) telah menceritakan tentang kerajaan Khmer yang menerima penghormatan dari Raja kerajaan-kerajaan lain kerana kekuatan mereka (Majumdar, 1944). Terdapat catatan lain oleh Ibn Rosteh (903M) yang mencatatkan tentang kewujudan 80 orang hakim di bawah kerajaan Kemboja dan putera Raja yang berhak dihukum oleh undang-undang jika melakukan kesalahan (Majumdar, 1944).

Catatan oleh pelayar dan pengembara muslim seperti Ibn Battutah tentang kesan pengaruh Islam terhadap pemerintahan telah menguatkan lagi hubungan Alam Melayu dan Arab-Parsi yang menerima Islam lebih awal. Beliau yang pernah menunaikan haji (sekitar tahun 1300M-1350M) ketika menetap di Mesir telah berjumpa dengan jemaah haji yang datang dari Alam Melayu (Yahaya, 2015). Beliau juga telah merakamkan pencapaian Alam Melayu dalam perkapalan dan maritim. Di India, sekitar tahun 1333M, Ibn Battutah telah melaporkan bahawa dia sendiri melihat kapal-kapal Melayu yang berasal dari Sumatera (Lapian, 1996). Kemungkinan kapal-kapal tersebut dari kerajaan Samudera-Pasai.

Pada tahun 1345M, Ibn Battutah telah melawat Samudera Pasai dan berjumpa dengan pegawai hal ehwal Islam daripada istana sultan dan juga kadi yang berperanan sebagai hakim. Pada masa itu sultan Samudera Pasai telah mengamalkan mazhab Syafie (Mitrasing, 2015). Sekitar tahun 1364M pula, Ibnu Battutah yang menziarahi Pasai telah merakamkan sesi-sesi perbincangan ilmu antara para Ulama Pasai dengan Ulama dari Tanah Arab yang diadakan di Masjid Ar-Rahman yang dipengerusikan sendiri

oleh Sultan Pasai (Ahmad, 2012). Beliau juga mencatatkan tidak ada kesukaran untuk berinteraksi dengan orang Melayu Pasai kerana bahasa Arab dan Parsi digunakan secara meluas di Pasai pada masa itu (Guillot, 2011).

Ibn Battutah (1325M-1377M) yang hidup sezaman dengan Ibn Khaldun dan berasal dari Tanjah, Maghribi yang terletak di Afrika Utara bersama Tunisia telah mengembara ke Alam Melayu dan tinggal di Aceh dalam tempoh yang agak lama (Yahaya, 2015). Dalam tempoh itulah beliau sempat menemui serta bertukar-tukar maklumat dengan sultan Aceh dan pembesar-pembesar negeri dan ulamak Aceh dan telah mencatatkan maklumat mengenai kepercayaan agama dan kebudayaan orang Melayu di Aceh (Yahaya, 2015). Penduduk yang tinggal di Aceh termasuklah yang datang dari China, Pegu, India, Parsi, kawasan Laut Merah dan Turki yang membawa kepercayaan dan budaya mereka masing-masing (Mitrasing, 2015).

Nama kerajaan Srivijaya antara yang kerap dicatat oleh pelawat Arab, seperti oleh Edrisi pada tahun 1150M yang menamakan Srivijaya sebagai "kepulauan Malai yang besar" (Din, 2011). Berdasarkan sumber bertulis, pelabuhan terkenal yang menjadi persinggahan pedagang Arab-Parsi ialah Zabaj, yang terletak di Palembang dan berada dibawah penguasaan Srivijaya (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Malah, al-Biruni sendiri menamakan Srivijaya sebagai Suvarnabhumi yang pada masa itu disebut sebagai Zabaj (Majumdar, 1937).

Kerajaan Melayu Kedah juga tidak asing dalam catatan-catatan pelayar Arab. Abu Dulaf Misa'r menyatakan bahawa Kalah ialah sebuah kerajaan yang besar dengan dikelilingi tembok, taman bunga, kemudahan sumber air, pasar dan rumah dengan jumlah penduduk yang ramai (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Selain itu, beliau mengatakan bahawa masyarakat Kalah tinggal di dalam kota dan menjalankan pekerjaan sebagai tukang membuat pedang (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009). Terdapat juga catatan oleh al-Mas'udi yang menyatakan kedudukan Kalah (Kedah) yang berada di pertengahan jalan antara barat dan China. Ini menjadikan Kedah sebagai pusat perhentian dan pertemuan kapal-kapal dagang Islam dari Oman dan China (Zarif, 2011).

Catatan Ibnu Battutah juga menunjukkan kewujudan putera diraja Kelantan yang beragama Islam sekitar 1297M. Kejatuhan Srivijaya sekitar abad ke-14M telah menyebabkan Kelantan menjadi antara pusat rebutan antara dua pengaruh, iaitu kerajaan Sukhotai dan kerajaan Majapahit. Sejarah Melayu pula menyatakan kerajaan Kelantan lebih mahsyur daripada Patani sekitar abad ke-15M yang menjadi antara pendorong kepada Sultan Mahmud dari Empayar Melaka (1488-1511) menakluki Kelantan (Saripan, 1979).

Catatan seorang pengembara Arab bernama Mas'udi pada tahun 943M telah menyatakan Pahang sebagai salah satu dari kawasan jajahan Srivijaya (Seribuza) dan terdapat kehadiran ramai orang laut (Adil, 1972). Pelabuhan lain yang amat popular dalam catatan Arab ialah Tiyumah, dipercayai lokasinya adalah Pulau Tioman. Tiyumah lebih berperanan sebagai tempat di mana pedagang-pedagang singgah untuk berteduh dan mendapatkan bekalan air bersih sebelum meneruskan perjalanan ke China. Catatan Arab juga ada menyebut tentang tempat yang disebut 'Panhang' atau dikenali sebagai Pahang (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, 2009).

Hubungan Alam Melayu dan dunia Arab diperkukuhkan lagi menerusi migrasi dua hala yang telah berlaku sejak sekian lama. Uka Tjandrasmita, sejarawan Indonesia, telah mencatatkan tentang kewujudan masyarakat Arab yang dikenali sebagai 'Ta-Shih' pada sekitar tahun 674M yang merancang untuk berperang dengan Kerajaan Ho-Ling (Jawa) (Wood, 2011). Selain itu, menurut Heuken (2002:13-29) kehadiran masyarakat Arab-Parsi adalah lebih awal lagi iaitu sekitar abad ke-4M, di mana terdapat

500 keluarga Parsi tinggal di wilayah Tun-Sun (dipercayai terletak di semenanjung Tanah Melayu) (Hilarian, 2007). Kedatangan pedagang Arab ke Melaka telah membentuk satu komuniti pedagang di Melaka bersama-sama pedagang dari Afrika Timur, Teluk Parsi dan Goa (Hanifah & Redzuan, 2014).

Sebenarnya, proses migrasi ini tidak hanya berlaku dari Dunia Arab ke Alam Melayu, tetapi juga sebaliknya. Terdapat rekod yang menunjukkan berlakunya juga migrasi orang Melayu dalam skala kecil ke kawasan Dunia Arab. Ini dapat dilihat menerusi catatan Shaffer (1996), yang menyatakan wujudnya penempatan kecil masyarakat Melayu di bandar pelabuhan Aden di Yaman seawal tahun 35SM lagi (Zarif, 2011).

Kesan dari segi penggunaan bahasa Melayu hari ini juga memperkukuhkan bentuk hubungan antara Alam Melayu dan Arab-Parsi. Pengaruh bahasa Parsi dapat dilihat menerusi penggunaan perkataan seperti baju, badam, bandar, biadab, cambuk, cokmar, domba, gandum, istana, serban, saudagar, tamasya, pahlawan, pasar, bazar, nisan, nakhoda dan kenduri (Petrů Tomáš *, 2016). Perkataan Aceh dikatakan berasal daripada kalimah Arab iaitu 'Achin' yang tertulis di Ain Akbari dan jadual geografi dalam Sadik Isfahani (Mitrasing, 2015). Sebuah buku bertajuk '*An Illustrated Guide to the Federated Malay States*' yang ditulis sendiri oleh British telah menggambarkan budaya wanita Melayu di Tanah Melayu sekitar era penjajahan British yang biasa mengenakan tudung kepala, yang pada pandangannya merupakan pengaruh dari Arab dan Mesir (Harrison, 1920).

Hubungan Alam Melayu dan Arab-Parsi juga disokong oleh peranan yang dimainkan oleh para ulama' pada zaman kerancakan perhubungan tersebut. Pada zaman pemerintahan Sultan Ali Riayat Shah (1571-1579M) di Aceh, terdapat seorang ulama bernama Muhammad Azhari (Sheikh Nur al-Din) yang berasal dari Mesir (Hanifah & Redzuan, 2014). Sekitar tahun 1580M, terdapat seorang ulama di Aceh yang merupakan keturunan ulama terkenal di Mesir, iaitu Ibn Hajar al-Haythami (1504-1567M) (Hanifah & Redzuan, 2014).

4.0 Hubungan Diplomatik dan Geopolitik Alam Melayu-Dunia Arab

Kewujudan hubungan diplomatik secara langsung antara Alam Melayu dan Dunia Arab mula dikesan sejak awal kemunculan Islam di Tanah Arab. Pada tahun 674M, Khalifah Muawiyah bercita-cita menghantar armada Islam untuk menyerang kerajaan di Pulau Jawa tetapi terpaksa dibatalkan kerana wujud persefahaman dan pemulihan keamanan di antara kerajaannya dengan pemerintah Jawa yang biasa menemui Ratu Sima dari Kerajaan Kalinga (Ho-Ling) (S.Q.Fatimi, 1963: 69, Roland Braddell, 1951:3) (Borham, 2014). Situasi yang sama seolah-olah hampir berulang apabila Khalifah Sulaiman bin `Abdul Malik (715-717M) berusaha untuk menghantar armada tentera ke Jambi (S.Q.Fatimi, 1963: 69) (Borham, 2014).

Kedah memiliki hubungan yang amat istimewa dengan dunia Arab-Parsi, terutamanya dalam aspek hubungan antara kerajaan. Dalam Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Raja Kedah yang pertama muncul sekitar tahun 630M (Jusoh, 2016). Raja Kedah yang pertama bernama Maharaja Derbar Raja yang pernah menduduki takhta pemerintah di wilayah Gumarun, Parsi (Jusoh, 2016). Terdapat juga rekod perhubungan antara Empayar Sassanian (224M-551M) di Parsi dengan kerajaan Melayu Champa. Beberapa karya sastera Sassanian seperti Buku Anurshivan (Noursarvan) telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu Cham, menjadikan masyarakat Melayu Champa menguasai ilmu kosmologi Sassanian (Petrů Tomáš *, 2016). Orang Cham juga memiliki kepercayaan bahawa Noursarvan ini merupakan raja mereka yang pertama dan mereka merupakan keturunan Noursarvan (Petrů Tomáš *, 2016).

Catatan Arab pada zaman Khilafah Umayyah yang berpusat di Damsyik, Syria telah menyebutkan lada terbesar terletak di *Zabag Sribusa* (Muara Sabak), kota pesisir yang terletak di Muara Sungai

Batanghari (Witrianto, Hum, & Si, 2014). Melaka dan Pasai mempunyai rekod hubungan dengan kerajaan Mamluk di Mesir melalui usaha dakwah kerajaan Mamluk untuk mengislamkan masyarakat di Tanah Melayu (Hanifah & Redzuan, 2014). Kerajaan Mamluk yang menguasai Mekah dikatakan telah mengarahkan Syarif Mekah menghantar Sheikh Ismail ke Pasai bagi mengislamkan Raja Pasai pada masa itu, iaitu Merah Silu (Hanifah & Redzuan, 2014). Pengaruh Mamluk ini dapat dilihat menerusi ambilan gelaran Malik bagi pemerintah Pasai (Hanifah & Redzuan, 2014). Pasai kemudiannya menjadi antara faktor penting yang menguatkan Islam di Melaka.

Hikayat Hang Tuah pula menggambarkan rombongan Hang Tuah pernah menetap di Mesir selama tiga bulan kerana menjadi tetamu Ketua Wazir di Mesir (Hanifah & Redzuan, 2014). Di sana, rombongan tersebut menziarahi makam para Nabi dan melihat tempat-tempat menarik di Mesir (Hanifah & Redzuan, 2014). Selain itu, hikayat ini juga telah mencatat peristiwa perjalanan Hang Tuah ke Istanbul untuk bertemu dengan Raja Rom untuk belajar menggunakan senjata (Nizar, 2011). Dalam buku 'Sejarah Melayu sendiri, kesultanan Melayu Melaka dikatakan berasal dari perkahwinan putera Iskandar Zulkarnain dari Macedonia dan puteri kerajaan Turkistan (Rozali, 2006).

Acheh pula memiliki hubungan yang sangat rapat dengan Khalifah Uthmaniyyah yang berpusat di Turki. Sultan Alaudin Riayat Shah telah menghantar Husein Efendi untuk menghadap Sultan Sulaiman di Istanbul untuk membawa cadangan pakatan Islam antara Acheh dan Uthmaniyyah bagi menghadapi ancaman Portugis di Selat Melaka (Mitrasing, 2015). Sultan Selim II yang baru menduduki takhta khalifah selepas kematian Sultan Sulaiman mengalu-alukan kerjasama Acheh-Uthmaniyyah dalam menentang Portugis (Mitrasing, 2015). Khalifah kemudiannya menghantar 17 kapal perang dan dua pengiring yang diketuai komander Kurtoglu Hizir Reis dan tiba di Melaka pada tahun 1567M, tetapi telah ditewaskan oleh Portugis (Mitrasing, 2015).

Acheh juga diberi kebenaran oleh khilafah Othmaniyyah untuk mengibarkan bendera Othmaniyyah (Nizar, 2011). Antara bentuk bantuan perang Othmaniyyah adalah kapal perang, meriam, senjata api, pasukan tentera, pemimpin perang dan pakar senjata. Acheh banyak mempelajari teknik pembuatan senjata, kapal perang dan strategi peperangan daripada Othmaniyyah (Nizar, 2011). Lukisan Portugis yang memperlihatkan bentuk kapal Acheh yang sama seperti model kapal perang Uthmaniyyah ketika berlakunya serangan Acheh ke Melaka yang dikuasai Portugis pada 1568M (Nizar, 2011). Hubungan kerajaan Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam (1590M-1636M) dengan kerajaan Uthmaniyyah telah memantapkan sistem ketahanan dan pertahanan kerajaan Aceh (Muhammad, 2015). Sekitar tahun 1840M, Tunku Ibrahim yang merupakan pemerintah Acheh telah meminta saudagar lada hitam di Acheh, Muhammad Ghauth untuk menghantar utusan kepada Khalifah Uthmaniyyah agar Acheh dijadikan negeri naungan khalifah.

Muhammad Ghauth akhirnya berjaya memperoleh dekri daripada Sultan Abdulmejid I (1823M-1861M) (Hanifah & Redzuan, 2014). Hal ini kerana, sultan Acheh mengadakan hubungan berbaik-baik dengan menghantar utusannya ke Turki dan membawa hadiah seperti rempah-ratus untuk dihadiahkan kepada pemerintah Uthmaniyyah agar bersetuju menjalinkan hubungan diplomatik dengan Acheh. Akhirnya, strategi tersebut tercapai, apabila rombongan Acheh diterima baik oleh Khalifah Turki Uthmaniyyah dan telah mengirim hadiah balasan berupa sebuah meriam dan penasihat ketenteraan untuk membantu memperkuat angkatan perang kerajaan Aceh (Muhammad, 2015). Selain itu, khalifah Othmaniyyah turut mengisytiharkan bahawa Sultan Acheh merupakan raja di timur manakala khalifah sebagai Raja di barat (Mitrasing, 2015). Pada tahun 1538M, Gabenor Mesir iaitu Hadim Sulayman Pasha telah menghantar tentera Mesir di bawah pimpinan Hamad Khan, panglima tentera berbangsa Turki kepada Sultan Acheh (Hanifah & Redzuan, 2014).

5.0 Kesimpulan

Dapatan ini diharap dapat membuka dimensi baru dalam kajian berkaitan hubungan diplomatik dan perdagangan antara kerajaan-kerajaan Melayu dan kerajaan luar selain daripada China dan India. Alam Melayu yang terletak di antara tamadun di timur dan barat bukan sekadar berfungsi sebagai perantara, tetapi berjaya membina legasi yang tersendiri. Alam Melayu telah membina hubungan perdagangan, agama, budaya dan diplomatik dengan dunia Arab-Parsi tanpa perlu bergantung kepada tamadun China sebagai perantara. Hubungan diplomatik tidak hanya terbina di atas dasar perdagangan semata-mata tetapi dibina di atas dasar keselamatan bersama kerajaan-kerajaan Islam. Kedudukan penting Alam Melayu kepada Dunia Arab dapat dilihat menerusi usaha usaha Khilafah Islamiyyah dalam membebaskannya dari kuasa penjajahan Portugis di Melaka dan kemudiannya Belanda di Aceh, selain dari pertukaran teknologi persenjataan di zaman kegemilangan Melaka.

Rujukan

- Abdul, O., & Zamburi, H. B. (1991). Interpretasi Kedudukan Gangga Nagara.
- Adil, H. B. (1972). *Siri Sejarah Nusantara: Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, H. (2012). Karya Agung Melayu: Cerminan Keunggulan Akal Budi Bangsa Melayu Sepanjang Zaman. In A. Hassan (Ed.), *Kesarjanaan Peradaban Melayu* (pp. 54–69). Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Balwi, M. K. M. (2005). Budaya Perniagaan Dan Perdagangan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 52–72.
- Banerjee, G. (1921). *India As Known to the Ancient World*. Calcutta: Oxford University Press.
- Bickmore, A. S. (1866). *Travels In The East Indian Archipelago*. (A. S. Bickmore, Ed.). Wenwoth Press.
- Borham, P. D. A. J. (2014). *Islam Di Nusantara. Kolokium Islam Pahang "Meraikan Ilmu."* Pekan, Pahang.
- Chapakia, A. O. (2000). *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Pustaka Darussalam.
- Chuan, M. C. C. G. K. (2005). *Environment and Development in The Straits of Malacca*. Routledge. London: Routledge. <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-025667-2.50011-6>
- Cotterell, A. (2014). *A history of Southeast Asia*. (Lee Mei Lin, Ed.). Singapore: Marshall Cavendish Editions.
- Dellios, B. R., & Ferguson, R. J. (2015). Thinking Through Srivijaya : Polycentric Networks in Traditional Southeast Asia. In *2nd Global South International Studies Conference* (pp. 1–21). Singapore.
- Din, M. A. O. (2011). Asal-usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarah. *Jurnal Melayu*, 7, 1–82.
- Federspiel, H. M. (2007). *Sultans, Shamans, and Saints: Islam and Muslims in Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Giri, S. S. (1938). *Suvarnadwipa (Sumatra)*. Calcutta: S.K. Mitra.
- Guillot, C. (2011). Pola Perbandaran dan Pemerintahan di Bandar-Bandar Perdagangan. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 3, 41–56.
- Halimi, M. H. Y. A. J. (1993). *Sejarah Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Hanifah, A., & Redzuan, M. (2014). Mesir dan Hubungan Awal dengan Masyarakat Melayu. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 57–72.
- Harrison, C. W. (1920). *An Illustrated Guide to the Federated Malay States*. (Cuthbert Woodville Harrison, Ed.). London: The Malay States Information Agency.
- Hassan, Z., & Omar, R. (2003). *Aktiviti Keusahawanan Masyarakat Melayu pada Zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka* (No. 11). Retrieved from <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/361/>
- Hilarian, F. (2007). The Migration of Lute-Type Instruments to the Malay Muslim World. In *Conference on Music in the world of Islam* (pp. 1–24). Assilah.
- Jusoh, A. (2016). Zaman Pra-Islam di Kedah berdasarkan bukti arkeologi. *Jurnal Perspektif*, 8(1), 106–117.
- Lapian, A. B. (1996). Peta Pelayaran Nusantara Dari Masa Ke Masa. *Jati*, 2.
- Majumdar, R. C. (1937). *Suvarnadwipa: Ancient Indian Colonies In The Far East (Political History), Vol II*. Dhaka: Asoke Kumar Majumdar.
- Majumdar, R. C. (1944). *An Ancient Hindu Colony in Cambodia: Sir William Meyer Lecture 1942-43*. Calcutta: University of Madras.

- Markham, C. R. (2010). *The Voyages of Sir James Lancaster, Kt., to the East Indies: With Abstracts of Journals of Voyages to the East Indies During the Seventeenth Century, Preserved in the India Office : and the Voyage of Captain John Knight (1606), to Seek the North-west Pass*. New York: Cambridge University Press.
- Mitrasing, I. S. (2015). *The Age of Aceh and the Evolution of Kingship 1599-1641: Trade and Geopolitics in the Malacca Straits* (1st ed.). Scholars' Press.
- Muhammad, N. (2015). Strategi Diplomatik Bervariasi Suatu Kearifan Lokal Dalam Pemerintahan Kesultanan Melayu, 3(2), 79–94.
- Musa, M. Z. bin. (2008). Perpindahan dan Hubungan Semasa Orang Cam. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 26, 257–272.
- Nizar, M. Z. bin. (2011). Ikonografi Zulfikar dalam Sejarah Hubungan Turki dan Nusantara. *Suhuf*, 4(1), 111–141.
- Petrů Tomáš *. (2016). “Lands below the Winds” as Part of the Persian Cosmopolis: An Inquiry into Linguistic and Cultural Borrowings from the Persianate societies in the Malay World. *Moussons*, 1(October), 147–161.
- Rozali, E. A. (2006). Kesultanan Melayu dan “Kerajaan Rum” Dalam Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Sejarah*, 14.
- Wahid, Z. A. bin A. (1990). Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa. *JEBAT*, 18, 71–87.
- Wales, H. G. Q. (1937). *Towards Angkor: In The Footsteps of The Indian Invaders*. Bristol: George G. Harrap & Co. Ltd.
- Walters, O. W. (1958). Tāmbraliga. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 587–607.
- Witrianto, S. ., Hum, M., & Si, M. (2014). Potensi Sejarah dan Purbakala Das Batanghari. *Analisis Sejarah*, 5(1), 68–79.
- Wood, M. (2011). Archaeology, National Histories, and National Borders in Southeast Asia. *The Borderlands of Southeast Asia: Geopolitics, Terrorism and Globalization*, 23–57.
- Yahaya, M. H. (2015). ` Umran : Pemangkin Kemakmuran di Alam Melayu. *Journal of Human Development and Communication*, 4, 45–62.
- Yatim, O. bin M. (1978). *Oriental Ceramic Finds in West Malaysia: A Study of Their Distribution and Typology*. Durham University.
- Zarif, M. M. M. (2011). Satu Milenium Islam di Nusantara; Tinjauan Sosio-Sejarah. In *Konvensyen Wasatiyyah* (pp. 1–19). Putrajaya: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zuliskandar Ramli, Farhana Abdullah, N. H. S. N. A. R. & A. M. (2011). Penemuan Seramik China di Kampung Sungai Mas, Kota Kuala Muda, Kedah. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 181–199.
- Zuliskandar Ramli, & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2009). Aktiviti Perdagangan Pedagang Arab-Parsi di Semenanjung Tanah Melayu Berdasarkan Sumber Asing dan Data Arkeologi. *International Journal of the Malay World and Civilisation (SARI)*, 27(2), 147–165.